



Faculty of Applied and Creative Arts

**PERKEMBANGAN KRAFTANGAN ANYAMAN MASYARAKAT
ORANG ASLI SUKU MAH MERI DI PULAU CAREY: PENGARUH
MODENISASI KE ATAS BENTUK DAN SENI REKA ANYAMAN**

**Gayathiri a/p Krishna Moorthy
41305**

Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2016

**PERKEMBANGAN KRAFTANGAN ANYAMAN MASYARAKAT ORANG
ASLI SUKU MAH MERI DI PULAU CAREY : PENGARUH MODENISASI KE
ATAS BENTUK DAN SENI REKA ANYAMAN**

GAYATHIRI A/P KRISHNA MOORTHY

Projek ini merupakan salah satu keperluan
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I, **GAYATHIRI KRISHNA MOORTHY, 41305 FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**.....hereby

declare that the work entitled..... **PERKEMBANGAN KRAFTANGAN ANYAMAN MASYARAKAT**

...**ORANG ASLI SUKU MAH MERI DI PULAU CAREY**.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

GAYATHIRI KRISHNA MOORTHY, 41305

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I,.....**PUAN RAHAH HASAN**..... hereby certifies that

the work entitle.....**PERKEMBANGAN KRAFTANGAN ANYAMAN MASYARAKAT**.....

.....**ORANG ASLI SUKU MAH MERI DI PULAU CAREY**..... was prepared by the above named

student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment

of... **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**...and the

aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

PUAN RAHAH HASAN

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

Lot 1290, Kampung
Chingchang, Salak, Sepang,
Selangor

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk **“Perkembangan Kraftangan Anyaman Masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri di Pulau Carey: Pengaruh Modenisasi ke atas bentuk dan seni reka anyaman”** telah disediakan oleh **Gayathiri a/p Krishna Moorthy** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah hassan)

Tarikh:

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(GAYATHIRI A/ KRISHNA MOORTHY)

41305

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia penyelidik Puan Rahah Hassan yang telah memberi sepenuh bimbingan dalam menyiapkan kajian. Ribuan terima kasih juga kepada semua pensyarah Pengurusan Seni Dr. Quistina Donna, Dr.Noria Tugang, Cik Karen yang telah membimbing dan memberi nasihat sepanjang kajian dijalankan.

Selain daripada itu ucapan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa, adik, saudara mara serta orang yang tersayang yang telah membantu dalam menyiapkan kajian penyelidik. Bantuan yang diberikan amat dihargai sama ada dari segi sokongan moral mahupun dalam bentuk kewangan.

Di samping itu tidak lupa juga terima kasih yang tidak terhingga kepada individu-individu serta organisasi yang telah memberikan kerjasama kepada penyelidik terutamanya semasa menjalankan temuramah. Penyelidik juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberi sokongan dan dorongan kepada penyelidik sepanjang menjalankan kajian ini.

Sekian,terima kasih.

Gayathiri a/p Krishna Moorthy

JADUAL KANDUNGAN

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
JUDUL	ii
BORANG PENGESAHAN PENULISAN	iii
PENGAKUAN	vi
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI GAMBAR RAJAH	
SENARAI JADUAL	
SENARAI CARTA	
ABSTRAK	
ABSTRACT	
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Kraftangan Anyaman	3
1.2.2 Masyarakat Orang Asli	8
1.2.3 Pulau Carey	12

1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Skop Kajian	17
1.7 Lokasi Kajian	18
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.8.1 Perkembangan	20
1.8.2 Kraftangan	20
1.8.3 Modenisasi	21
1.8.4 Konsep Warisan dan Kebudayaan	23
1.9 Kepentingan Kajian	24
1.10 Limitasi Kajian	25
1.11 Rumusan	27

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	28
2.1.1 Konsep Keindahan	29
2.1.2 Kraftangan Tradisional	31
2.1.3 Rekabentuk Kraftangan	32

2.1.4 Proses Pembentukan Kraftangan	33
2.1.5 Anyaman	34
2.1.6 Kepentingan Seni Anyaman	35
2.1.7 Perubahan bentuk Anyaman	36
2.1.8 Perkembangan Anyaman	38
2.1.9 Orang Asli	39
2.1.10 Masyarakat Asli di Malaysia	40
2.1.11 Kebudayaan Orang Asli	41
2.1.12 Seni Orang Asli	42
2.1.13 Pengaruh Modenisasi	42
2.1.14 Perubahan Sosial	43
2. 2 Rumusan	45

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Kajian Keperpustakaan	47
3.3 Kajian Lapangan	49
3.4 Instrumen Kajian	50
3.5. Rumusan	53

BAB 4

ANALISIS DATA/ DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	54
4.2 Analisis Data	55
4.2.1 Matrik Demografi Informan	56
4.3 Perkembangan Aktiviti Kraftangan	60
4.4 Perubahan Bentuk dan Seni Reka	68
4.4.1 Teori Keindahan dengan Kraftangan	83
4.5 Rumusan	85

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan	86
5.2 Cadangan	93
5.3 Cadangan penyelidik akan datang	94

BIBLIOGRAFI	96
--------------------	----

LAMPIRAN A	98
-------------------	----

LAMPIRAN B	99
-------------------	----

SENARAI GAMBAR RAJAH

BAB

MUKA SURAT

BAB 1

Gambar 1.1: Peta Negeri Selangor	1
Gambar 1.2: Kraftangan Anyaman	7
Gambar 1.3 : Kraftangan Anyaman	7
Gambar 1.4 : Kraftangan Anyaman	7
Gambar 1.5 :Suku Kaum Mah Meri	10
Gambar 1.6 : Hari Moyang Pulau Carey	11
Gambar 1.7: Peta Pulau Carey	12
Gambar 1.8 :Kampung Sungai Bumbun	18
Gambar 1.9: Muzium Mah Meri	19
Gambar 1.10: Bengkel Pn. Maznah	19

BAB 4

Gambar 4.1 : Puan .Maznah Anak Unyan	57
Gambar 4.2: Encik Jasmi	57
Gambar 4:3 Puan Suhaimi	58
Gambar 4.4: Puan Julida	59
Gambar 4.4.1 : Kayu Ukiran Patung	61
Gambar 4:4.2: Gendoi Samah Seman	61
Gambar 4.4.3: Puan Maznah dengan Kum	63

Gambar 4.4.4: Mengkuang diwarnakan untuk kraftangan anyaman	63
Gambar 4.4.5: Suku Mah Meri memberi kraftangan anyaman kepada sukarelawan	64
Gambar 4.4.6: Penjualan kraftangan	65
Gambar 4.3.7: Penjualan kraftangan anyaman Mah Meri	66
Gambar 4.3.8: Kumpulan Tompoq Tompoh	67
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.1	69
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.2	70
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.3	71
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.4	72
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.5	73
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.6	74
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.7	75
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.8	76
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.9	77
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.10	78
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.11	79
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.12	80
Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.13	81

Gambar Kraftangan Anyaman 4.4.14	82
Jadual	
Jadual 1.1: Kumpulan Kaum Asli	8
Jadual 4.1: Matrik Demografi Informan	56
Carta	
Carta 3.1 : Carta Kaedah Kualitatif	47
Carta 3.2 : Carta Kajian Keperpustakaan	48
Carta 3.3 : Carta Instrumen Kajian	52
Carta 4.1 : Perkembangan Aktiviti	60
Kraftangan Anyaman	

ABSTRAK

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji Perkembangan Kraftangan Anyaman Masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri di Pulau Carey: Pengaruh Modenisasi ke atas Bentuk dan Seni Reka anyaman. Penyelidikan ini untuk mengenalpasti sejarah perkembangan aktiviti kraftangan anyaman Masyarakat Mah Meri di Pulau Carey dan mendokumentasi perubahan bentuk dan seni reka kraftangan anyaman Masyarakat Mah Meri. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu menerusi kaedah temubual dan juga pemerhatian. Seramai lima informan yang dipilih untuk ditemubual yang merupakan penduduk Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Hasil dapatan yang dianalisis berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada informan, kraftangan anyaman terdapat perkembangan dari 2003 hingga kini, di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Dengan ini, perkembangan kraftangan anyaman dari 2003 hingga sekarang dalam masyarakat orang asli suku Mah Meri yang telah banyak terkesan oleh pemodenan dari sudut sosial dan ekonomi.

ABSTRACT

The objective of this research is to study about the development of Mah Meri indigenous community woven handicraft :Modernisation influence on the shape and design of woven handicraft. The research is done to identify the historical development of woven handicraft Mah Meri society at Pulau Carey and documenting the changes in shape and architectural of the craft. In this study, researchers using qualitative methods which is via interviewing and observations. A total of five villagers who are from Kampung Sungai Bumbun to be interviewed. The results that analyzed which was based on the informations given by the informants is that there is development of handicraft from year 2003 until now at Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey. Thus, development of handicraft from 2003 until now is more influenced by the modernization from social and economical aspects.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab satu adalah merupakan bahagian yang menjelaskan tentang perkara yang terkandung dalam penyelidikan yang dilakukan. Dalam bab ini juga, penyelidik ingin mengupas dengan lebih lanjut tentang tajuk yang dikaji. Bab ini membincangkan pengenalan kepada tajuk kajian, mengenai tujuan pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang Perkembangan Kraftangan Anyaman Masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri di Pulau Carey: Pengaruh Modenisasi ke atas bentuk dan seni reka anyaman.



Gambar 1.1: Peta Negeri Selangor

(Sumber Internet)

<http://pikyung.blogspot.my/2011/11/pakaian-tradisional-malaysia.html>)

Selangor merupakan sebuah negeri yang mempunyai pelbagai keunikan terutamanya dari segi ekonomi dan pelancongan. Kebanyakan masyarakat di Negeri Selangor mereka menjalankan kegiatan perindustrian sebagai sumber utama. Selangor mencipta nama melalui keunikan dari segi penghasilan kepelbagaian produk seni salah satunya ialah anyaman. Dengan ini Pulau Carey merupakan terkenal dengan pembuatan dan penghasilan kraftangan anyaman terutamanya yang terletak di Banting, Negeri Selangor. Kegiatan utama Pulau Carey ini ialah menghasilkan pelbagai jenis kraftangan anyaman dan seni ukir patung (Hamzah Jusoh, 2002).

Tambahan pula, Pulau Carey cukup sinonim dengan kewujudan penempatan awal masyarakat orang asli Mah Meri yang terkenal di Malaysia. Masyarakat Mah Meri terkenal dengan seni kraftangan anyaman mereka di Pulau Carey. Seni kraftangan memang sudah lama wujud sejak dari dulu lagi. Setiap kraftangan yang dihasilkan oleh masyarakat Suku Mah Meri ini mempunyai keunikan dan ciri -ciri tersendiri mereka.

Dengan ini, kajian ini adalah berkaitan tentang sejarah kraftangan anyaman dan pengaruh modenisasi ke atas bentuk dan seni reka di Pulau Carey, Selangor. Pada masa kini, perkembangan masa telah mewujudkan pengaruh modenisasi ke atas bentuk dan seni reka kraftangan anyaman di Pulau Carey

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Kraftangan Anyaman di Pulau Carey

Aspek utama yang ingin dijelaskan oleh penyelidik ialah mengenai kraftangan anyaman yang terdapat di Pulau Carey. Pulau Carey cukup sinonim dengan kewujudan penempatan awal masyarakat orang asli Mah Meri yang terkenal di Malaysia. Mah Meri merupakan salah satu dari 18 buah puak orang asli yang wujud di Malaysia. Mereka terkenal dengan seni kraftangan anyaman di Pulau Carey. Dengan sebelumnya, dalam bukunya '*The culture of Craft*', makna kraf dikaitkan dengan aktiviti kreativiti berkemahiran yang berkait dengan proses membuat dekorasi atau membuat sesuatu ke atas objek dengan menggunakan tangan (Peter Dormer, 2007).

Kraftangan merujuk kepada penciptaan sesuatu objek yang asli melalui kebolehan seseorang melakukan perubahan terhadap bahan dan sejarah kewujudan kraf dikenal pasti kerana keperluannya dalam kehidupan (Zaihidee, 2009). Dalam bukunya *The Story Of Craft* yang menyatakan semua proses pembuatan menggunakan tangan sama ada tujuan ritual atau tujuan hiasan semata-mata adalah objek kraf. Manakala kraftangan merupakan salah satu keluaran penting yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia selain daripada itu ia dapat mencerminkan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat dalam berbagai-bagai seni (Edward, 1981).

Seni tradisi terdiri daripada ‘folk arts’ dan ‘folk craft’. Ia merupakan persambungan dari kepercayaan awal serta terus diamalkan pada zaman berikutnya. Dengan nilai tradisi ini juga merupakan ciri budaya hasil dari pengalaman dan kelangsungan hidup serta sejarah masyarakat di sesuatu tempat. Sejarah perkembangan seni kraftangan ini berterusan dari satu generasi ke satu generasi. Salah satu kraftangan tradisi ialah seni anyaman.

Bidang anyaman boleh dikatakan sebagai bidang pekerjaan kerajinan tangan. Menganyam ialah satu proses menjaring-jaringkan helaian atau jalur daun, lidi, rotan, akar, buluh dan beberapa jenis tumbuhan lain dengan cara menyusun dan menyusupkannya antara satu sama lain (Mohammad Nasri, 2000).

Sejak beberapa tahun dahulu, kemahiran menganyam telahpun diketahui oleh masyarakat manusia. Keadaan persekitaraan menyebabkan mereka memerlukan barang-barang untuk kegunaan seharian dalam kehidupan mereka. Barang-barang tersebut termasuklah barang-barang yang dianyam daripada bahan-bahan yang terdapat di sekeliling mereka. Penciptaan kraftangan anyaman dalam masyarakat biasanya sering dikaitkan dengan fungsi gunaannya (Ruzita Alias, 2011).

Komuniti Suku Mah Meri yang terdapat di Pulau Carey pembinaan keupayaan diperolehi melalui kemahiran tidak formal yang diwariskan sejak turun temurun dari generasi sebelumnya. Permulaanya Suku Mah Meri kaum wanita tidak sentiasa membuat kraftangan untuk kegunaan hidup. Mereka membuat peribadi dan kegunaan

seharian. Dalam kegiatan anyaman biasanya peranan kaum wanita yang banyak berbanding lelaki. Kaum lelaki pula menolong kaum wanita dari segi menolong menetak dan memproses daunnya. Mah Meri merupakan kaum yang menghasilkan hasil-hasil seni yang lebih kreatif, ringkas dan halus hasil buatannya. Hasil-hasil kraftangan mereka ini mempunyai nilai-nilai seni yang tersendiri berbanding dengan hasil kraftangan yang lain. Selain itu, hasil seni kraftangan mereka ada hubung kait dengan sesuatu upacara, kepercayaan dan adat. Seni anyaman dipercayai bermula dan berkembang tanpa menerima pengaruh luar. Bahan-bahan untuk membuat kraftangan ini mereka dapat dari sumber alam sekeliling sahaja (Rieta rahim, 2007).

Mah Meri melakukan anyaman waktu yang baik ialah pada sebelah pagi atau malam. Dalam keadaan cuaca yang redup atau dingin, daun-daun lebih lembut dan mudah dibentuk tanpa meninggalkan kesan-kesan pecah. Penggunaan tali akar dan rotan merupakan asas pertama dalam penciptaan kraftangan anyaman yang telah menjadi usaha tradisi sejak berabad-abad lalu. Bahan-bahan asas tumbuhan ini tumbuh meliar di hutan-hutan paya-paya dan kampung sekitar Pulau Carey terutamanya di Kampung Sungai Bumbun.

Selain itu, berdasarkan bahan dan rupa Kaum Mah Meri mengutamakan nilai dan gunanya. Tujuan kraftangan anyaman pada masa dahulu adalah untuk keperluan harian yang mengutamakan kegunaannya sebagai alat perlindungan, alat perhiasan serta kegunaan lain. Antaranya ialah pada beberapa alat seperti atap yang dianyam untuk berlindung dari panas dan hujan. Anyaman ini disempurnakan lagi dengan

menggunakan lilitan akar, rotan dan sebagainya. Bermula daripada keadaan ini maka terhasilah berbagai bentuk anyaman yang memberi faedah dalam kehidupan sehari-hari kepada seluruh kelompok masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman. Penciptaan barang-barang kraf tangan anyaman pada masa dahulu adalah sesuai dengan kehidupan orang-orang suku Mah Meri yang bekerja sebagai petani dan nelayan. Pelbagai rupa bentuk kraftangan dihasilkan melalui proses dan teknik anyaman dari jenis tumbuhan pandanus (pandan dan mengkuang). Bentuk-bentuk anyaman dibuat berdasarkan kepada fungsinya. Selain daripada tumbuhan jenis pandanus, bahan asas lain dan mereka juga sering digunakan ialah daripada tumbuhan jenis palma dan nipah (Haliza, 2010).

Kebanyakan corak yang dicipta dalam anyaman merujuk kepada keindahan alam sekitar. Tentunya perkara seperti ini mencerminkan betapa kuatnya hubungan antara masyarakat dengan alam. Corak-corak asas dalam anyaman di kawasan kajian adalah berbentuk lambang-lambang haiwan, tumbuh-tumbuhan dan berpetak-petak yang berbentuk rumah (Mohammad Nasri, 2000).

Walaupun pada mulanya hasil-hasil anyaman ini untuk kegunaan seharian, tetapi lama-kelamaan dengan peredaran masa telah menyebabkan pengaruh modenisasi dalam seni reka dan bentuk hasil-hasil anyaman itu diindahkan lagi dengan penciptaan yang menarik hati. Aktiviti menganyam diturunkan dari satu generasi ke satu generasi melalui proses pembelajaran secara informal.



Gambar 1.2: Kraftangan Anyaman



Gambar 1.3 : Kraftangan Anyaman



Gambar 1.4 : Kraftangan Anyaman

Sumber : Kerja Lapangan (2015)

1.2.2 Masyarakat Orang Asli Suku Mah Meri

Setiap masyarakat yang menghuni Malaysia telah dianugerahkan dengan kebudayaan dan cara hidup yang tersendiri. Mereka mengamalkan berdasarkan kepercayaan yang telah dianuti sekian lama. Kepercayaan dan adat resam ini telah diwarisi daripada generasi yang terdahulu. Kepercayaan dan pegangan telah membuatkan mereka patuh kepada setiap peraturan yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Mereka juga mempunyai peraturan hidup yang tersendiri. Walaupun kaum mereka merupakan kaum minoriti yang kecil dan terpencil, namun mereka masih menjalankan kehidupan seharian seperti biasa (Zawiah Ahmad, 2005).

ORANG ASLI		
NEGRITO	SENOI	PROTO-MALAY
Batek	Chewong	Jakun
Jahai	Jah Hut	Orang Kanaq
Kensiu	Mah Meri	Orang Kuala
Kintak	Semai	Orang Seletar
Lanoh	Semaq Beri	Semelai/Temoq
Mendriq	Temiar	Temuan

Jadual 1.1: Kumpulan Kaum Asli